

PERKASA anggap serang ADUN DAP perbuatan jenayah

MalaysiaKini.com

May 21, 2012

Oleh Abdul Rahim Sabri

Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (PERKASA) Melaka tidak bersetuju dengan tindakan kumpulan yang menyerang dan merosakkan kereta dua ADUN DAP negeri itu pada acara minum petang bersama Pengerusi Bersama BERSIH Datuk S Ambiga Sabtu lalu.

Yang Dipertua PERKASA negeri itu, Abd Rahim Osman juga berkata tindakan itu tidak wajar kerana boleh mendatangkan kecederaan dan dianggap sebagai perbuatan jenayah.

"Saya tidak bersetuju. Kalau nak tunjuk protes, bukan dengan cara macam tu. Kita sudah matang, sepatutnya tindakan itu tidak berlaku," katanya ketika dihubungi Malaysikini pagi ini.

Abdul Rahim mengulas insiden serangan oleh sekumpulan pengacau terhadap ADUN Ayer Keroh Khoo Poay Tiong dan ADUN Bandar Hilir Tey Kok Kiew sewaktu mereka mahu meninggalkan tempat acara tersebut.

Dalam insiden itu, selain dibaling telur dan batu, salah satu tayar kenderaan Tey dipancitkan dan badan kereta kemik, manakala cermin sisi pula pecah. Beliau juga telah membuat laporan polis.

perkasa tibai umno red shirt in merlimau malacca ambiga event car type puncturedDitanya mengenai laporan yang mendakwa anggota PERKASA yang melakukannya, Abd Rahim menafikannya walaupun mengakui kira-kira 40 anggota NGO itu turut menyertai perhimpunan membantah kehadiran Ambiga.

"Kita tidak ada mengeluarkan arahan apa-apa sama ada merosakkan kereta atau melakukan apa-apa kerosakan... Kita berkumpul secara aman dan menghargai keamanan," katanya.

Semalam, Pemuda Umno Jasin turut menafikan pembabitan ahlinya yang didakwa melakukan serangan terhadap dua ADUN DAP itu dalam insiden berkenaan.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <http://www.malaysiakini.com/news/198564>